

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1995/96

April 1996

ATW103 - UNDANG-UNDANG PERNIAGAAN

Masa: [3 jam]

---

**ARAHAN**

Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

**Soalan 1**

- (a) A menulis kepada B "Saya difahamkan anda hendak jual kereta anda. Berapakah harga kereta anda?". B menjawab "Harga kereta saya ialah RM30,000.00". Selepas lima (5) bulan A memberitahu B dia menerima tawaran B pada harga RM30,000.00. B enggan menjual kereta berkenaan kepada A.

Nasihatkan B tentang liabiliti undang-undang.

[12½ markah]

- (b) A menulis kepada B "Saya ingin menjual kereta saya". Maklumat lain seperti harga, jenis, tahun buatan dan keadaan enjinnya tidak diberi. B menjawab dia menerima tawaran A. A sudi menjual kereta itu kepada B pada harga RM50,000.00 iaitu RM10,000.00 melebihi harga pasaran sebenar kereta itu. Bila B diberitahu harga kereta itu B enggan menyempurnakan kontrak. A ingin menyaman B kerana mungkir perjanjian.

Adakah A akan berjaya?

[12½ markah]

**Soalan 2**

- (a) Kontrak adalah akibat daripada minda-minda yang bersetuju. Walau bagaimanapun terdapat beberapa pengecualian kepada kenyataan di atas. Sebut dan jelaskan pengecualian ini.

[12½ markah]

...2/-

- (b) Terangkan apa yang dimaksudkan dengan kontrak terbatal, boleh batal dan tidak boleh dikuatkuasakan.

[12½ markah]

Soalan 3

- (a) Semasa Encik Sukarenang berkelah di Batu Ferringhi, tiba-tiba dia dengar jeritan seorang lelaki yang meminta pertolongan. Encik Sukarenang nampak seorang sedang lemas dan seterusnya menyelamatkannya. Kemudiannya orang itu memberitahu Encik Sukarenang bahawa namanya ialah Mati Lemas. Dia juga memberitahu Encik Sukarenang betapa dia berterima kasih kepadanya kerana dia dapat menyelamatkannya. Encik Mati Lemas juga berjanji dia akan membayar Encik Sukarenang sebanyak RM500.00 sebagai ganjaran. Sudah satu (1) tahun sekarang dan Encik Sukarenang belum menerima RM500.00 itu.

Encik Sukarenang ingin memulakan tindakan undang-undang untuk menuntut RM500.00 itu. Adakah dia akan berjaya? Jawab dengan kes yang menyokong.

[12½ markah]

- (b) Dalam kes Central London Property Trust v. High Trees House (1947), satu prinsip undang-undang yang penting ditetapkan oleh Lord Denning. Sebutkan prinsip ini dan fakta dalam kes Central London Property Trust v High Trees House (1947).

[12½ markah]

Soalan 4

Syarat dalam kontrak boleh dibahagikan kepada syarat dan waranti. Terangkan bagaimana klasifikasi ini dilakukan dengan merujuk kepada kes yang menyokong.

[25 markah]

Soalan 5

- (a) Sebutkan fakta dan keputusan dalam kes Hadley v. Baxendale (1854) dan Victoria Laundry (Windsor) v. Newman Industries (1949).

[15 markah]

(b) Terangkan dengan jelas remedи mungkir perjanjian yang berikut:

- |                            |            |
|----------------------------|------------|
| (i) Gantirugi              | [5 markah] |
| (ii) Perlaksanaan spesifik | [5 markah] |

Soalan 6

Pilih mana-mana **dua** daripada tajuk berikut dan bincangkan. Kes yang berkaitan mesti disebut bersama-sama dengan faktanya.

- |  |              |
|--|--------------|
| (a) Niat untuk wujudkan hubungan undang-undang.        | [12½ markah] |
| (b) Lima (5) faktor yang mengakibatkan sahnya kontrak. | [12½ markah] |
| (c) Pemberitahuan penerimaan dan Peraturan Pos.        | [12½ markah] |

Soalan 7

Kontrak boleh dilepaskan dalam empat (4) cara. Terangkan dengan jelas dengan merujuk kepada kes yang menyokong empat (4) cara ini.

[25 markah]

-oooOOOooo-